

D142

U B623 BAH
PENCALONAN - MAHATHIR

JITRA, 11 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MERUPAKAN ORANG PERTAMA YANG MENYERAHKAN BORANG PENCALONAN SEBAGAI CALON BARISAN NASIONAL BAGI KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU DI SINI HARI INI.

BELIAU MENGEMUKAKAN KERTAS PENCALONANNYA PUKUL 9.38 PAGI INI DI PUSAT PENCALONAN YANG BERTEMPAT DI PEJABAT DAERAH KUBANG PASU.

YANG TURUT BERBUAT DEMIKIAN IALAH MENTERI BESAR DATUK SERI OSMAN AROFF BAGI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI NEGERI, JITRA DAN ANGGOTA EXCO HAJI HANAFI RAMLI BAGI KAWASAN NEGERI, TUNJANG.

KETIGA-TIGA MEREKA BERTANDING SEMULA UNTUK MENGEKALKAN KERUSI MASING-MASING. INI MERUPAKAN KALI KELIMA DATUK SERI DR MAHATHIR BERTANDING BAGI KAWASAN ITU SEJAK MEMENANGINYA PADA PILIHAN RAYA UMUM 1974.

PRESIDEN PARTI PEMBANGKANG HAMIM DATUK SUDIN WAHAB MENYERAHKAN BORANG PENCALONANNYA BAGI KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU, 12 MINIT KEMUDIAN, IAITU PADA PUKUL 9.50 PAGI. BELIAU BAGAIMANAPUN BERTANDING ATAS TIKET PARTI SEMANGAT 46.

DATUK SUDIN DISERTAI OLEH ENCIK ABDUL RASHID MAT SALLEH, DARI SEMANGAT 46, BAGI KERUSI NEGERI, JITRA DAN HAJI ABU KASSIM ABDULLAH, DARI PAS, BAGI KERUSI TUNJANG.

PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, PERDANA MENTERI MENGALAHKAN CALON PAS DR AZIZAN ISMAIL DENGAN MAJORITI 15,298 UNDI. -- LAGI.
1134MST 11 10 90

D143

U B624 BAH
PENCALONAN - MAHATHIR 2 JITRA

PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA DATUK SYED ZAIN SYED ABDULLAH, YANG JUGA PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, MENERIMA BORANG-BORANG PENCALONAN MEREKA.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI DAN DATUK SERI OSMAN SERTA ROMBONGANNYA DIIRINGI PERARAKAN DARI IBU PEJABAT UMNO KUBANG PASU DI JALAN TUNJANG KE PUSAT PENAMAAN CALON SEJAUH KIRA-KIRA 1 KM.

PARA PENYOKONG BN MEMBAWA BENDERA DAN SEPANDUK, YANG ANTARANYA BERBUNYI +DR MAHATHIR TETAP BERTAHTA DI HATI KAMI+ SERTA MELAUNGKAN SLOGAN +HIDUP MAHATHIR+ DAN +HIDUP BARISAN NASIONAL+ SERTA MENYANYIKAN LAGU +BARISAN KITA.+

KEADAAN PENYOKONG KEDUA-DUA PARTI YANG BERTANDING BAGAIMANAPUN TENANG DAN TERKAWAL.

KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU MEMPUNYAI SERAMAI 52,341 PENGUNDI.
-- LAGI.

1135MST 11 10 90

D152

U B627 BAH
PENCALONAN - MAHATHIR 3 JITRA

YANG DIPERTUA PAS, HAJI FADZIL NOOR, MENYERAHKAN KERTAS PENCALONANNYA UNTUK BERTANDING BAGI KAWASAN PARLIMEN PENDANG DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BUKIT RAYA PUKUL 9.15 PAGI, KEPADA PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA ENCIK MD AKHIR MAN DI PEJABAT DAERAH PENDANG.

HAJI FADZIL, YANG MEMPERTAHAKAN KERUSI BUKIT RAYA, TIBA DI PEJABAT DAERAH BERSAMA ENCIK SHATRI AHMAD DARI SEMANGAT 46 BAGI YANG MENGEMUKAKAN KERTAS PENCALONANNYA UNTUK KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI, AYER PUTEH.

ENCIK OTHMAN ABDUL, DARI BN YANG MENGEMUKAKAN KERTAS PENCALONAN UNTUK KAWASAN PENDANG, DATUK SYED MANSOR BARAKBAH (BAGI KAWASAN NEGERI BUKIT RAYA) SERTA PUAN FATIMAN HAJI ISMAIL (BAGI KAWASAN AYER PUTEH), MENYERAHKAN KERTAS PENCALONAN MASING-MASING KIRA-KIRA PUKUL 9.50 PAGI. -- LAGI.

1147MST 11 10 90

D153

U B628 BAH
CALON - MAHATHIR 4 JITRA

MENTERI PERTANIAN, DATUK SANUSI JUNID, YANG BERTANDING KERUSI PARLIMEN JERLUN/LANGKAWI TIBA DI PEJABAT DAERAH PUKUL 9.20 PAGI DAN MENYERAHKAN BORANG PENCALONANANNYA KEPADA PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA HAJI MOHAMAD ISHAK LIMA MINIT KEMUDIAN.

MENTERI KEWANGAN, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN YANG BERTANDING KERUSI PARLIMEN MERBOK MENYERAHKAN BORANG PENCALONANNYA PUKUL 10.10 PAGI. -- BERNAMA.

1147MST 11 10 90